



DASAR PERTAHANAN NEGARA

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
2010



DASAR PERTAHANAN NEGARA

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
2010

© Kementerian Pertahanan Malaysia 2010
Cetakan Pertama 2010

Rekabentuk Grafik oleh : Syamsul Haslan Abu Hasan
Dicetak oleh : Percetakan Haji Jantan Sdn. Bhd.



KANDUNGAN

- i PERUTUSAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
- iii PERUTUSAN MENTERI PERTAHANAN
- v PRAKATA
- viii SINGKATAN

11 BAB 1: KEPENTINGAN NEGARA

15 BAB 2: PERSPEKTIF STRATEGIK SERANTAU

- 15 Faktor-Faktor Keselamatan Tradisional
 - 15 • Peranan Kuasa-Kuasa Besar
 - 16 • Asia Timur
 - 17 • Asia Selatan
 - 18 • Asia Tenggara
- 20 Isu-Isu Keselamatan Bukan Tradisional
- 23 Keselamatan Dalam Negeri
- 24 Inisiatif Serantau Dalam Meningkatkan Keamanan Dan Kestabilan
- 25 Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT)
- 26 Implikasi Yang Perlu Diambil Kira Dalam Pertahanan

29 BAB 3: PRINSIP-PRINSIP ASAS PERTAHANAN

- 30 Berdikari
- 30 Pertahanan Menyeluruh (HANRUH)
- 31 Komitmen Terhadap Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA)
- 33 Sokongan Usaha PBB Ke Arah Keamanan Sejagat
- 34 Langkah-Langkah Terhadap Keganasan
- 35 Diplomasi Pertahanan
- 35 • Kerjasama Dua Hala
- 36 • Kerjasama Pelbagai Hala

37 BAB 4: HUBUNGAN PERTAHANAN LUAR

- 37 Kerjasama Pertahanan Dengan Negara-Negara ASEAN
- 40 Kerjasama Pertahanan Dengan Negara-Negara Bukan ASEAN

43 BAB 5: MEMBANGUNKAN KEUPAYAAN DAN STRATEGI PERTAHANAN

- 46 • Kawalan Ruang Udara
- 47 • Operasi Maritim
- 47 • Operasi Darat

49 BAB 6: SOKONGAN KEUPAYAAN INDUSTRI PERTAHANAN NEGARA

53 BAB 7: PERUNTUKAN PERTAHANAN

- 53 • Kemampuan
- 54 • Pembiayaan Tidak Ditetapkan Kepada KDNK



**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN IBNI
AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**

PEMERINTAH TERTINGGI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA



Perdana Menteri Malaysia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



Alhamdulillah, saya merasa berbangga dengan penerbitan dokumen Dasar Pertahanan Negara yang merupakan salah satu dokumen yang amat dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia. Dengan penerbitan Dasar Pertahanan Negara ini, saya berharap agar rakyat akan dapat memahami, menilai malahan bersedia untuk berjuang mempertahankan negara dalam apa keadaan sekali pun. Sesungguhnya, pertahanan negara bukan terletak di atas bahu atau pun tanggungjawab pasukan keselamatan khususnya Angkatan Tentera Malaysia tetapi apa yang lebih penting sekali ialah, penglibatan rakyat jelata yang sebenarnya akan memperkasakan benteng pertahanan negara.



Dasar Pertahanan Negara telah menggariskan prinsip-prinsip pertahanan meliputi kepentingan negara yang perlu dipertahankan dalam apa cara sekali pun. Bagi sebuah negara yang pernah melalui pelbagai pengalaman peperangan bermula dari era kemasukan penjajah asing, peperangan dunia, keganasan komunis dan juga konfrontasi, Malaysia amat menghargai nilai kebebasan dan juga keamanan yang sedang kita kecapai kini. Oleh yang demikian, segala program pembangunan Angkatan Tentera Malaysia adalah menjurus kepada mempertahankan nilai-nilai keamanan dan kemerdekaan negara.

Inilah julung kalinya, Kerajaan Malaysia menerbitkan sebuah dokumen yang menggariskan prinsip, pendekatan, strategi serta perancangan pembangunan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia secara komprehensif untuk rujukan rakyat Malaysia. Sudah tiba masanya diwujudkan suatu sinergi antara Angkatan Tentera Malaysia dengan rakyat bertujuan memupuk rasa kebanggaan untuk mempertahankan keamanan dan kemerdekaan negara.

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HJ ABD RAZAK
Perdana Menteri Malaysia



Menteri Pertahanan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



Buat pertama kalinya di dalam sejarah negara, suatu dasar yang berkait dengan pertahanan negara secara komprehensif dan bersifat jangka panjang diterbitkan untuk rujukan rakyat.

Saya amat yakin, dengan penerbitan Dasar Pertahanan Negara, rakyat akan lebih memahami bahawa mempertahankan negara adalah suatu perkara yang amat besar tanggungjawabnya. Kita tidak boleh sama sekali alpa dan berasa selesa dengan keamanan yang ada buat masa kini. Pada bila-bila masa sahaja konflik atau kekacauan boleh tercetus yang akan mengugat keamanan negara. Keamanan dan kebebasan kita nikmati masa kini adalah kerana wujudnya ketenteraman yang telah disumbangkan oleh pasukan-pasukan keselamatan khususnya Angkatan Tentera Malaysia.

Sehubungan dengan itu, segala program pembangunan dan pemodenan Angkatan Tentera Malaysia yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan merupakan manifestasi untuk bersiap sedia menghadapi cabaran atau ancaman kepada pertahanan negara.

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
Menteri Pertahanan





Prakata



Perkembangan semasa di rantau ini telah memperlihatkan sejumlah cabaran baru dan ketidaktentuan dari sudut ancaman kepada pertahanan negara. Walaupun secara amnya keadaan semasa di dalam negara dan rantau ini menyaksikan kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi, namun isu-isu semasa khususnya bukan konvensional mulai mewarnai bentuk ancaman kepada pertahanan dan keselamatan negara. Bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang akan menjejaskan kedaulatan, kemerdekaan dan keutuhan Malaysia, maka pembangunan pertahanan yang pesat terutamanya di dalam aspek pemodenan ATM telah dilaksanakan. Selain itu juga peranan yang dimainkan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga telah banyak berubah. Melihatkan perkembangan ini, pihak Kementerian merasakan perlunya Dasar Pertahanan Negara lebih relevan dengan cabaran semasa.

Objektif utama Dasar Pertahanan Negara adalah untuk melindungi dan mempertahankan kepentingan negara yang menjadi teras kepada kedaulatan, keutuhan wilayah dan kesejahteraan ekonomi. Untuk mencapai tujuan tersebut, keperluan satu strategi komprehensif telah dibentuk sebagai prinsip-prinsip asas pertahanan. Prinsip utama dalam strategi ini ialah keupayaan untuk Berdikari. Prasyaratnya ialah



komitmen yang utuh daripada semua sektor. Bagi maksud ini, konsep Pertahanan Menyeluruh adalah penting untuk melengkapkan keupayaan untuk Berdikari.

Malaysia menolak penggunaan ancaman atau kekerasan bagi menyelesaikan pertikaian di peringkat antarabangsa. Sebaliknya penyelesaian secara aman diamalkan. Dasar Pertahanan Negara mempamerkan amalan ini dengan mempraktikkan pertahanan bersifat defensif yang mana prinsip diplomasi pertahanan adalah strategi utama amalan ini melalui diplomasi pertahanan secara hubungan dua hala dan pelbagai hala. Konsep kerjasama serantau dan luar rantau merupakan pencapaian ke arah matlamat tersebut. Selari dengan diplomasi pertahanan tersebut, Malaysia menyokong sepenuhnya usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan komuniti antarabangsa ke arah memelihara keamanan dan keselamatan sejagat. Sebagai ahli komuniti antarabangsa, Malaysia mempunyai tanggungjawab dan kewajipan moral bersama untuk memastikan aturan antarabangsa, sosial dan ekonomi yang lebih adil.

Objektif utama Dasar Pertahanan Negara adalah untuk melindungi dan mempertahankan kepentingan negara yang menjadi teras kepada kedaulatan, keutuhan wilayah dan kesejahteraan ekonomi.

Oleh yang demikian, ATM perlu memperolehi keupayaan peperangan konvensional yang sewajarnya. Struktur gabungan yang mantap dan keseimbangan angkatan tentera adalah penting. Pembangunan keupayaan keempat-empat dimensi, iaitu darat, laut, udara dan spektrum elektro-magnetik perlu diberikan perhatian. Petunjuk strategik lain yang juga perlu diambil kira ialah keseragaman dan kerjasama



antara perkhidmatan; pemisahan wilayah dan kemungkinan untuk menangani situasi konflik dua medan serta penggunaan sumber bukan tentera negara.

Pembangunan elemen sokongan keupayaan pertahanan adalah perlu sebagai sebahagian daripada usaha mencapai keupayaan pertahanan Berdikari. Pertimbangan utama di dalam perkara ini ialah keperluan merangka strategi yang sewajarnya untuk membangunkan industri pertahanan tempatan dan keupayaan sains dan teknologi pertahanan.



Dasar Pertahanan Negara mencerminkan kesinambungan komitmen ke arah mengukuhkan pertahanan negara dan modenisasi angkatan tentera. Tempoh masa yang dijangkakan untuk melaksanakan dasar ini ialah sepuluh tahun. Kerajaan akan menetapkan mekanisme untuk mengawal pelaksanaan tersebut dan menjalankan penilaian berkala.




Singkatan

ADMM	Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN
APEC	Asia-Pacific Economic Cooperation
ARF	Forum Serantau ASEAN
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
ASEAN + 3	ASEAN + Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea
ASG	Kumpulan Abu Sayyaf
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
CTBT	Comprehensive Nuclear Test Ban Treaty 1996
DOC	Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea
DSA	Defence Services of Asia
EiS	Eyes in the Sky
FPDA	Peraturan Pertahanan Lima Negara
HANRUH	Pertahanan Menyeluruh
ICT	Teknologi Komunikasi dan Maklumat
IFOR	Implementation Force in Bosnia and Herzegovina
INTERFET	International Force for East Timor
JJ	Jemaah Islamiah
LIMA	Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition
MAJDP	Program Bersama Pertahanan Malaysia-Australia
MDCP	Malaysian Defence Cooperation Programme
MINURSO	United Nations Mission for the Referendum in Western Sahara
MNZCG	Kumpulan Koordinasi Pertahanan Malaysia-New Zealand
MONUA	United Nations Observer Mission in Angola
MONUC	United Nations Organization Mission in the Democratic Republic of the Congo
NGO	Pertubuhan bukan Kerajaan
NPT	Treaty on the Non-Proliferation of Nuclear Weapons 1968
ONUC	United Nations Operation in the Congo
ONUMOZ	United Nations Operation in Mozambique
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
RMA	Revolusi Hal Ehwal Ketenteraan
SEANWFZ	Perjanjian Zon Bebas Nuklear Asia Tenggara
SFOR	Stabilisation Force in Bosnia and Herzegovina



TAC	<i>Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia 1976</i>
TDM	<i>Tentera Darat Malaysia</i>
TLDM	<i>Tentera Laut Diraja Malaysia</i>
TUDM	<i>Tentera Udara Diraja Malaysia</i>
UNAMA	<i>United Nations Assistance Mission in Afghanistan</i>
UNAMIC	<i>United Nations Advance Mission in Cambodia</i>
UNAMID	<i>African Union-United Nations Hybrid Operation in Darfur</i>
UNASOG	<i>United Nations Aouzou Strip Observer Group</i>
UNCLOS 1982	<i>Konvensyen Undang-Undang Laut 1982</i>
UNIFIL	<i>United Nations Interim Force in Lebanon</i>
UNIIMOG	<i>United Nations Iran-Iraq Military Observer Group</i>
UNIKOM	<i>United Nations Iraq-Kuwait Observation Mission</i>
UNIMEE	<i>United Nations Mission in Ethiopia and Eritrea</i>
UNIVEM	<i>United Nations Angola Verification Mission</i>
UNMIBH	<i>United Nations Mission in Bosnia and Herzegovina</i>
UNMIK	<i>United Nations Interim Administration Mission in Kosovo</i>
UNMIL	<i>United Nations Mission in Liberia</i>
UNMIN	<i>United Nations Mission in Nepal</i>
UNMIS	<i>United Nations Mission in the Sudan</i>
UNMISSET	<i>United Nations Mission of Support in East Timor</i>
UNMIT	<i>United Nations Integrated Mission in Timor-Leste</i>
UNMLT	<i>UN Military Liaison Officer Team</i>
UNMOT	<i>United Nations Mission of Observers in Tajikistan</i>
UNOB	<i>United Nations Operation in Burundi</i>
UNOMSIL	<i>United Nations Observer Mission in Sierra Leone</i>
UNOSOM	<i>United Nations Operation in Somalia</i>
UNPROFOR	<i>United Nations Protection Force</i>
UNSGRC	<i>U.N. Secretary General Representative to Cambodia</i>
UNTAC	<i>United Nations Transitional Authority in Cambodia</i>
UNTAET	<i>United Nations Transitional Administration in East Timor</i>
UNTAG	<i>United Nations Transition Assistance Group</i>
UPNM	<i>Universiti Pertahanan Nasional Malaysia</i>
ZEE	<i>Zon Ekonomi Eksklusif</i>





Bab 1: Kepentingan Negara

Malaysia telah menetapkan bahawa mempertahankan kepentingan-kepentingan negara merupakan teras kepada kedaulatan dan kemerdekaannya. Sehubungan dengan itu, objektif utama Dasar Pertahanan Negara ialah untuk melindungi dan mempertahankan kawasan kepentingan Malaysia dari sebarang ancaman sama ada dari luar atau dalam negara.

Kawasan kepentingan Malaysia adalah seperti berikut:

- **Kawasan utama;**
- **Kawasan ekonomi luar pesisir; dan**
- **Laluan strategik perairan dan ruang udara.**

Kawasan utama meliputi wilayah daratan Malaysia iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta perairan wilayah dan juga ruang angkasanya. Kawasan-kawasan ini mesti dilindungi dan dipertahankan sedaya upaya daripada sebarang bentuk pencerobohan dari luar.

Kawasan ekonomi luar pesisir ialah Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan pelantar benua negara. Kawasan ini yang terletak di Laut China Selatan adalah kaya dengan sumber perikanan dan hidrokarbon merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi negara. Laluan strategik perairan dan ruang udara Malaysia adalah seperti berikut:

- **Laluan laut dan udara yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak;**
- **Selat Melaka dan laluan keluar masuk; dan**
- **Selat Singapura dan laluan keluar masuk.**



Pemisahan secara fizikal Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak oleh Laut China Selatan memerlukan negara memberi perhatian utama terhadap laluan laut dan ruang udara di antara kedua-dua wilayah tersebut. Sebarang ancaman atau gangguan di laluan laut dan ruang udara berkenaan boleh menjejaskan keutuhan kedua-dua wilayah tersebut dan Malaysia secara keseluruhannya.

Selat Melaka merupakan antara laluan maritim utama dunia meliputi hampir keseluruhan laluan perdagangan laut Timur-Barat. Selain itu juga sejumlah pelabuhan utama negara serta pusat perniagaan terletak di sepanjang Selat Melaka yang merupakan saluran pengangkutan bagi 80% keseluruhan eksport dan import Malaysia. Pendirian

Malaysia ke atas Selat Melaka adalah jelas iaitu sebarang pencerobohan akan mengugat kepentingan Malaysia selain merupakan ancaman kepada keselamatan dan kedaulatan negara. Malah penguasaan Selat Melaka oleh anasir asing boleh menjejaskan kesejahteraan ekonomi kebanyakan negara termasuklah kuasa-kuasa besar. Selat tersebut juga berkemungkinan menjadi punca perebutan antara kuasa-kuasa luar dan akhirnya menjadikannya sebagai medan konflik yang akan memberi






kesan terhadap pertahanan dan keselamatan negara serta juga keutuhan wilayah. Pendirian Malaysia ialah Selat Melaka perlu bebas dari campur tangan kuasa-kuasa asing dan adalah menjadi tanggungjawab negara pesisir mempertahankan kedaulatan Selat Melaka.

Selat Singapura, yang sebahagian daripadanya terletak di dalam perairan wilayah Malaysia, merupakan antara laluan maritim yang paling sibuk dan strategik di dunia. Selat ini bukan sahaja penting bagi perdagangan antarabangsa, malah bagi perdagangan dalam negeri di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak selain menjadi penghubung utama di antara kedua-dua wilayah berkenaan. Selat Singapura adalah penting kepada pertahanan maritim Malaysia sebagai salah satu laluan strategik negara sebagaimana di Selat Melaka.

Berasaskan kepentingan-kepentingan negara yang perlu dipertahan, Malaysia mestilah mempunyai tahap keupayaan pertahanan yang mampu memastikan agar semua kawasan utama dapat dilindungi dengan apa cara sekalipun. Malaysia juga perlu mempertahankan dan meningkatkan keupayaan melindungi hak kedaulatannya ke atas wilayah daratan dan perairan termasuk ZEE, pelantar benua dan kesemua laluan strategik maritim serta ruang udaranya. Justeru itu, pembangunan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) haruslah berlandaskan matlamat utama untuk mempertahankan kepentingan negara di ketiga-ketiga kawasan tersebut. Dalam pada itu juga, pertahanan negara tidak terhad kepada kesiagaan menghadapi sebarang konflik yang mungkin akan berlaku tetapi merupakan jaminan kemerdekaan dan kedaulatan, mempertahankan kepentingan negara dan juga pemangkin kepada program-program pembangunan negara.

*Peta 1 :
Kawasan Kepentingan Strategik Malaysia*





Bab 2: Perspektif Strategik Serantau

Abad ke 21 menyaksikan bahawa banyak negara mulai memberi perhatian kepada ancaman asimetrik sebagai salah satu dimensi baru di dalam keselamatan strategik. Peralihan abad tidak bermakna telah mengubah persekitaran ancaman tradisional tetapi kini ancaman seperti keganasan dan jenayah rentas sempadan diberikan tumpuan serta menjadi sebahagian daripada perspektif strategik negara. Sehubungan itu, persekitaran keselamatan Malaysia serta serantau dibentuk dan ditentukan menerusi kepentingan keselamatan tradisional di samping ancaman-ancaman bukan tradisional yang lain.

Faktor-faktor Keselamatan Tradisional

- Peranan Kuasa-kuasa Besar

Perkembangan di rantau Asia Pasifik akan terus dipengaruhi oleh hubungan di antara Amerika Syarikat, China dan Jepun. Malaysia mengakui bahawa Amerika Syarikat akan terus kekal sebagai kuasa besar yang unggul dan memainkan peranan penting di dalam mencorakkan persekitaran strategik serantau. Sehubungan itu, kerjasama pertahanan Malaysia dengan Amerika Syarikat yang sedia terjalin merupakan sokongan kepada usaha-usaha memupuk pembinaan keyakinan selain memastikan kepentingan negara sama ada di dalam aspek keselamatan dan ekonomi terus terjamin. Perlu juga dinyatakan, selepas peristiwa 11 September 2001, Asia Tenggara menjadi semakin penting kepada Amerika Syarikat sebagaimana dinyatakan dengan menandatangani *Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia 1976* (TAC) pada tahun 2009. Amerika Syarikat dilihat akan terus mengukuhkan kedudukannya melalui perjanjian pertahanan dua halanya dengan Jepun, Korea Selatan,



Thailand, Filipina, Australia dan Singapura di samping meningkatkan rangkaian pertahanan dengan negara-negara serantau yang lain.

Negara China mengakui kepentingan ekonomi dan politiknya di rantau Asia Tenggara. China tidak melihat ASEAN sebagai ancaman malah memerlukannya untuk menstabilkan persekitaran negara tersebut. China dilihat akan muncul sebagai kuasa besar sama ada dari segi ekonomi dan juga ketenteraan berupaya memberikan kesan kepada perimbangan kuasa di Asia Pasifik secara keseluruhannya. Sementara itu, kepentingan strategik di antara China dan Jepun akan berterusan dengan masing-masing mempunyai objektif keselamatan yang berbeza. Manakala Jepun akan terus kekal sebagai salah satu kuasa ekonomi dunia dilihat semakin memberikan perhatian kepada aspek keselamatan serantau.

Walaupun Rusia sebelum ini mempunyai banyak masalah dalaman tetapi negara tersebut dilihat sedang berusaha untuk kembali aktif dan memainkan peranan penting di dalam hubungan keselamatan serantau.

Walaupun terdapat perimbangan kuasa dan strategik sebagaimana dinyatakan di atas, pada umumnya rantau Asia Pasifik akan terus menyaksikan kestabilan dan keamanan. Hubungan di antara kuasa-kuasa besar bertambah baik disebabkan oleh kecenderungan dan kepentingan bersama. Tambahan pula, fokus strategik kuasa serantau adalah tertumpu kepada kerjasama ekonomi daripada konfrontasi politik dan ketenteraan.

- Asia Timur

Isu China-Taiwan yang berterusan boleh menggugat kestabilan rantau tersebut. Sebarang ketegangan di Selat Taiwan akan memburukkan kestabilan serantau. Malaysia mengalu-alukan sebarang usaha yang boleh meredakan ketegangan di samping berharap agar kedua-dua pihak terus berusaha mencari jalan penyelesaian secara damai.



Bagi menamatkan program senjata nuklear Korea Utara, rundingan *Six-Party Talks* yang turut melibatkan Amerika Syarikat, China, Rusia, Jepun dan Korea Selatan telah diadakan sejak Ogos 2003. Sungguhpun rundingan *Six-Party Talks* dianggap sebagai pendekatan atau kaedah paling efektif bagi menyelesaikan isu tersebut, namun sering berdepan dengan rintangan akibat tindak balas Pyongyang yang tidak menentu. Penarikan Korea Utara daripada *Treaty on the Non-Proliferation of Nuclear Weapons 1968* (NPT) dan ugutannya dalam meneruskan ujian pelancaran peluru berpandunya jelas menunjukkan bahawa Pyongyang menganggap program nuklear sebagai komponen penting untuk jaminan keselamatan negara di samping sebagai perkara timbal balas di dalam setiap rundingan bagi memenuhi tuntutan dan aspirasi mereka. Korea Utara dilihat tidak akan menamatkan program nuklearnya bahkan akan terus mengeksploitasikan isu tersebut demi kepentingan negara itu.

- Asia Selatan

India telah lama bercita-cita untuk memainkan peranan yang lebih luas di kawasan Asia Pasifik. Negara tersebut mempunyai potensi ekonomi dan teknologi untuk membangunkan kekuatan ketenteraannya sehingga merangkumi kawasan Asia Tenggara. Persaingan senjata nuklear dengan Pakistan mempunyai implikasi keselamatan melebihi jangkauan benua kecil India.

Memandangkan India dan Pakistan merupakan negara kuasa nuklear, sebarang peningkatan konflik akan mengancam keamanan dan keselamatan rantau tersebut. Perkembangan positif terkini di dalam hubungan dua hala kedua-dua negara menunjukkan kecenderungan ke arah mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau. Ini adalah penting bagi kedua-dua negara tersebut mematuhi NPT dan *Comprehensive Nuclear Test Ban Treaty 1996* (CTBT). Manakala dengan berakhirnya



pemberontakan etnik di Sri Lanka, proses keamanan dijangka akan tercapai dan mengendurkan isu etnik di Asia Selatan.

- Asia Tenggara

Tuntutan bertindih ke atas Kepulauan Spratlys adalah isu yang masih perlu diberikan perhatian. Brunei Darussalam, China, Filipina, Malaysia, Vietnam dan juga Taiwan menuntut kesemua atau sebahagian daripada pulau-pulau tersebut. Kawasan ini mempunyai nilai strategik dari segi lokasi laluan utama kapal-kapal dagang dan dari sudut ekonomi pula adalah kaya dengan bahan galian serta sumber marin yang lain. Sebarang konflik yang tercetis di Laut China Selatan mungkin mengundang penglibatan kuasa-kuasa besar kerana kepentingan keselamatan dan laluan pelayaran.





Memandangkan tuntutan tersebut melibatkan persoalan kedaulatan, maka penyelesaian tuntutan bertindih ke atas Spratlys buat masa ini adalah sukar. *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) yang telah ditandatangani antara China dengan ASEAN pada bulan November 2002 dilihat berjaya meredakan keadaan serta membina keyakinan. Deklarasi tersebut menunjukkan hasrat semua pihak yang terlibat mematuhi norma dan undang-undang antarabangsa.

Lain-lain pertikaian antara negara-negara ASEAN sama ada di Laut China Selatan, Laut Sulawesi dan Selat Melaka mempunyai potensi untuk mengeruhkan hubungan serantau. Isu tuntutan bertindih di beberapa kawasan tersebut antara Malaysia dengan negara-negara jiran perlu ditangani secara diplomasi terlebih dahulu. Namun demikian, Malaysia berpegang kepada Konvensyen Undang-Undang Laut 1982 (*UNCLOS 1982*) dan juga batas persempadanan maritim sebagaimana tertera di dalam Peta Baru 1979. Sementara itu, tuntutan Filipina ke atas Sabah masih belum ada penyelesaian. Pertikaian maritim tersebut serta isu Sabah boleh mengancam integriti Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat dan akhirnya melemahkan semangat ASEAN serta juga Piagam ASEAN itu sendiri.

Kemakmuran yang berterusan di Indonesia hanya akan tercapai setelah berjaya menangani faktor-faktor utama konflik politik dan sosial. Dengan pertalian dari segi sosial dan sejarah, maka aspek keakraban dan saling menghormati adalah sangat penting kepada hubungan dua hala antara Malaysia dengan Indonesia.

Hubungan dua hala Malaysia dengan Singapura menunjukkan peningkatan sejak kebelakangan ini walaupun terdapat isu-isu yang masih tertunggak. Namun demikian isu-isu tersebut tidak menghalang untuk Malaysia dan Singapura untuk bekerjasama khususnya di dalam hubungan ekonomi dan pertahanan.



Hubungan Malaysia dengan Vietnam menunjukkan peningkatan yang menggalakkan khususnya setelah termeterai perjanjian kerjasama pertahanan pada tahun 2008. Sehubungan dengan itu, sebarang kerenggan boleh dielakkan khususnya di dalam isu pertikaian wilayah maritim di Laut China Selatan.

Konflik di selatan Thailand boleh menyebabkan tekanan dalam hubungan Malaysia-Thailand. Malaysia menganggapnya sebagai masalah dalaman Thailand dan bersedia untuk bekerjasama demi faedah bersama. Keadaan keselamatan di selatan Thailand merupakan kebimbangan utama Malaysia dan bergantung kepada keupayaan kerajaan Thailand untuk meredakan pemberontakan dan menyelesaikan masalah sosio-ekonomi penduduk beragama Islam. Walau bagaimanapun, permasalahan di selatan Thailand tersebut tidak akan menjejaskan hubungan Malaysia-Thailand.

Sebarang masalah dalaman di Myanmar, Thailand dan Kemboja serta lain-lain negara ASEAN adalah amat penting kepada kepentingan strategik Malaysia serta juga kestabilan ASEAN itu sendiri. Perkara tersebut merupakan tunggak utama kepada kestabilan, keamanan dan juga kemakmuran serantau. Malaysia melihat konsep memakmurkan negara jiran adalah penting sebagai kewujudan kestabilan secara keseluruhan di seluruh negara jiran yang bersempadankan Malaysia. Hubungan Malaysia dengan negara ASEAN merupakan salah satu jaringan kepentingan keselamatan ekonomi bersama.

Isu-Isu Keselamatan Bukan Tradisional

Ancaman keselamatan tradisional akan terus mencabar kedaulatan negara. Namun demikian, ancaman-ancaman berbentuk bukan ketenteraan atau asimetrik telah menjadi kebimbangan utama. Kemampuannya



berupaya menggugat kuasa kerajaan dan berpotensi mencabar kewujudan institusi serta perundangan boleh menjejaskan keselamatan dan kestabilan serantau.

Lanjutan dari serangan pengganas ke atas Amerika Syarikat pada 11 September 2001, keganasan telah muncul sebagai ancaman jangka panjang kepada keselamatan serantau dan antarabangsa. Buat masa kini dua kumpulan pengganas militan atau pelampau yang masih aktif beroperasi secara tersusun di Asia Tenggara ialah Kumpulan Abu Sayyaf (ASG) dan Jemaah Islamiah (JI). ASG dilihat menjalankan kegiatan penculikan dan menuntut wang tebusan bagi membiayai kegiatan mereka di selatan Filipina. Kegiatan ASG tersebut boleh memberi kesan keselamatan ke atas Malaysia khususnya di Sabah. Pada waktu sama, terdapat juga kebimbangan pihak berkuasa terhadap pakatan serta rangkaian kerjasama di antara JI-ASG di selatan Filipina.

Rangkaian JI masih aktif di Asia Tenggara khususnya di Indonesia di samping mempunyai rangkaian di Filipina, Malaysia, Singapura dan Thailand. Di Malaysia, operasi mengesan bagi mengekang JI telah berjaya dilakukan dengan beberapa siri tangkapan. Antara lain termasuk penahanan semula Mas Selamat Kastari bersama dua rakannya di Johor pada 1 April 2009. Begitu juga usaha oleh Indonesia dan Singapura mengekang aktiviti keganasan sama ada melalui siri tangkapan atau pun terbunuhnya para perancang utama dilihat sebagai usaha berterusan bahawa keganasan memerlukan kerjasama serantau. Peranan JI memerlukan pemantauan khusus walaupun beberapa orang pemimpin kanan kumpulan pengganas serta pengikutnya terbunuh, namun hasrat



kumpulan serpihan untuk terus merekrut dan meneruskan aktiviti mereka perlu dibentaras secara menyeluruh.

Fenomena pengebom berani mati bukannya sesuatu yang baru. Kebarangkalian taktik ini digunapakai di dalam negara ini tidak dapat dinafikan. Penglibatan negara dalam memerangi keganasan serantau adalah secara proaktif. Mereka yang dikenal pasti sebagai pengganas telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Negara-negara serantau melalui agensi penguatkuasaan masing-masing secara berterusan terus mempertingkatkan kerjasama dan pertukaran maklumat yang lebih komprehensif bagi membendung perancangan oleh kumpulan pengganas.

Walaupun laporan kes pelanunan dan rompakan bersenjata telah menurun sejak kebelakangan ini, namun masih perlu diberikan perhatian kerana insiden tersebut mungkin berlaku pada bila-bila masa ekoran krisis ekonomi yang berterusan di sesetengah negara serantau, pergolakan dalaman, kesukaran agensi-agensi penguatkuasaan maritim untuk meneruskan pengawasan yang kerap dan juga kecanggihan kegiatan pelanunan. Adalah dipercayai jenayah yang terancang juga terlibat di dalam aktiviti maritim haram ini.



Aktiviti pelanunan telah dapat dibendung berikutan dengan peningkatan usaha kerjasama dua hala dan pelbagai hala serta koordinasi kerjasama antara pasukan tentera laut dan pihak berkuasa serantau. Pelancaran operasi rondaan terkoordinasi MALSINDO dan program *Eyes in the*



Sky (EiS) di Selat Melaka yang melibatkan Malaysia, Singapura dan Indonesia pada tahun 2005 telah menyumbang kepada peningkatan tahap keselamatan perairan Selat Melaka.

Kegiatan pembekalan dan pengedaran dadah secara haram adalah antara cabaran bukan ketenteraan yang dihadapi oleh rantau ini. Salah satu pusat pengeluar terbesar narkotik dunia iaitu Segitiga Emas terletak di rantau ini. Ancaman dadah dilihat semakin parah berikutan kewujudan dadah sintetik yang lebih murah dan senang dihasilkan di samping dadah asli sedia ada yang masih terus diedarkan secara haram di pasaran. Penglibatan kumpulan pemberontak yang aktif menjalankan perniagaan dadah perlu diberi perhatian sepenuhnya oleh negara-negara di rantau ini. Aktiviti pengedaran dadah dikenal pasti antara penyumbang dana utama kumpulan pemberontak bagi membiayai perjuangan mereka.

Keselamatan Dalam Negeri

Situasi keselamatan dalaman di Malaysia secara umumnya adalah stabil dan terkawal. Sejak berakhirnya ancaman senjata Parti Komunis Malaya melalui Perjanjian Damai Haadyai 1989, tiada lagi ancaman yang serius dihadapi di dalam negara. Walau bagaimanapun, Malaysia masih berhadapan dengan kemungkinan ancaman yang boleh tercetus pada bila-bila masa dan jika tidak diawasi atau dibendung dari awal berpotensi menjejaskan keamanan dan kemakmuran negara.

Iklim politik negara kini menyaksikan jurang perbezaan antara kaum di negara ini semakin melebar. Situasi politik yang tidak menentu tersebut berpotensi menimbulkan ancaman terhadap kestabilan sosial dan keharmonian perhubungan sesama kaum di dalam negara ini. Dalam keghairahan mengembangkan pengaruh mereka, terdapat pemimpin-pemimpin memainkan isu-isu sensitif yang didapati telah



melampaui norma sehingga ke tahap boleh menggugat keharmonian dan ketenteraman awam.

Keadaan bertambah buruk apabila badan pertubuhan kerajaan (NGO) turut mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan pelbagai desakan yang berupaya mengganggu keharmonian dan keselamatan negara.

Kebanjiran pendatang asing dalam jumlah yang besar di negara ini sama ada mengikut undang-undang atau secara haram turut memberikan implikasi negatif terhadap keselamatan dalam negara. Rekod Jabatan Imigresen menunjukkan sejumlah 1.85 juta orang pekerja asing berada di Malaysia yang meletakkan negara di senarai 10 teratas dunia menggunakan tenaga kerja warga asing. Kehadiran mereka ke negara ini telah mengakibatkan pelbagai masalah sosial seperti peningkatan kadar jenayah, penularan penyakit berjangkit dan pertembungan budaya.

Inisiatif Serantau Dalam Meningkatkan Keamanan Dan Kestabilan

Sebarang perbincangan mengenai keselamatan serantau tidak akan lengkap tanpa menyebut perkembangan kerjasama keselamatan serantau. Perkara ini semakin penting dengan peningkatan saling bergantung dan globalisasi di mana setiap negara semakin mengamalkan norma-norma dan amalan antarabangsa demi kepentingan bersama.

Satu komponen penting struktur kerjasama keselamatan serantau adalah Forum Serantau ASEAN (ARF) membincangkan sebahagian daripada isu sensitif serantau selain memberi ruang kepada negara-negara ahli untuk bertukar-tukar pendapat mengenai perkara-perkara utama keselamatan. Sejak beberapa tahun dahulu, ARF berjaya membantu meningkatkan tahap ketelusan antara negara serantau dan menguruskan perhubungan



serantau dengan lebih matang. Forum serantau yang lain seperti ASEAN, APEC dan ASEAN + 3 walaupun lebih menumpukan kepada kerjasama ekonomi tetapi mempunyai kesan ke atas keselamatan serantau. Dengan kemakmuran ekonomi sebagai teras kepada keamanan dan kestabilan serantau, maka peranan forum ekonomi tersebut akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

Teknologi Komunikasi Dan Maklumat (ICT)

Pembangunan dan pengaplikasian teknologi informasi telah banyak mengubah corak dan rentak kehidupan manusia khususnya daripada zaman industri kepada informasi. Justeru itu, usaha mendominasi informasi adalah sangat kritikal dalam usaha menjaga kedaulatan negara. Ini merangkumi informasi di peringkat strategik, operasi mahupun taktikal. Penggunaan ICT telah menjadi suatu kemestian bagi menjamin penguasaan informasi di setiap peringkat. Dengan adanya keunggulan informasi, keupayaan mempertahankan negara dapat digandakan dan keupayaan musuh dapat dilemahkan dengan mudah. Usaha ini melibatkan pembinaan infrastruktur dan pembangunan aplikasi yang berkaitan. Usaha melengkapkan *Network Centric Operation Infrastructure* yang mempunyai aplikasi pengumpulan dan penganalisisan secara menyeluruh perlu diberi keutamaan bagi membolehkan setiap elemen pertahanan dalam jaringan sistem komunikasi tanpa batas. Ia disusuli dengan pembangunan pangkalan data berpusat yang dikawal selia oleh setiap agensi terlibat dalam mempertahankan kedaulatan negara. Pangkalan data ini sewajarnya dikongsi bersama melalui *Network Centric Operation Infrastructure*.

Sebagai langkah untuk mengimbangi keupayaan negara-negara serantau, pembangunan keupayaan peperangan siber adalah satu keperluan bagi melindungi sasaran penting negara dari sebarang bentuk ancaman.



Mencegah apa juga bentuk penyusupan ke dalam rangkaian dan sistem berkomputer pertahanan negara adalah satu kemestian. Pada masa sama, ia memberi ruang kepada pembangunan keupayaan ofensif bagi melaksanakan operasi siber sekiranya diperlukan. Dengan keupayaan itu maka lebih banyak ruang untuk pengumpulan informasi di peringkat strategik, operasional mahupun taktikal dapat dilakukan.

Adalah menjadi keperluan kepada ATM untuk bergerak seiring dengan pembangunan teknologi dunia semasa terutamanya dalam bidang ICT memandangkan Revolusi Hal Ehwal Ketenteraan (RMA) telah mempengaruhi corak peperangan masa kini.

Implikasi Yang Perlu Diambil Kira Dalam Pertahanan

Persekitaran strategik serantau adalah faktor yang perlu diambil kira dalam melihat pembangunan perspektif strategik Malaysia. Ancaman konvensional kini dibayangi dengan ancaman bukan konvensional yang dibimbangi semua pihak khususnya ancaman bersifat rentas sempadan. Dengan matlamat Dasar Pertahanan Negara untuk mempertahankan dan melindungi kepentingan negara, maka ATM perlu lebih fleksibel dan mudah bergerak dengan tahap kesiagaan yang tinggi. Struktur organisasi pasukan tentera perlu dibentuk supaya berupaya menghadapi sebarang bentuk ancaman konvensional dan bukan konvensional secara serentak.

Perkembangan dan pengekalan hubungan yang membina di kalangan negara serantau dan luar perlu diteruskan melalui saluran hubungan dua hala dan pelbagai hala. Institusi hubungan pelbagai hala dalam struktur keselamatan serantau perlu disokong sebagai salah satu cara pencegahan konflik dan permusuhan di rantau ini.



Asas, budaya dan struktur ketenteraan perlu diperhalusi supaya selaras dengan perkembangan pesat ICT serta kesannya ke atas teknologi ketenteraan. Penyelidikan dan pembangunan sains pertahanan perlu diberikan perhatian. Adalah penting perolehan pertahanan juga mengambil kira perkembangan dalam bidang teknologi.







Bab 3: Prinsip-prinsip Asas Pertahanan

Dasar Pertahanan Negara merupakan manifestasi untuk menjamin dan mempertahankan negara serta melindungi kawasan kepentingan-kepentingannya. Sehubungan itu, satu pendekatan secara komprehensif telah dibentuk untuk mencapai matlamat tersebut. Pendekatan yang dimaksudkan adalah merangkumi prinsip-prinsip asas pertahanan seperti di Rajah 1:



Rajah 1:
Prinsip-prinsip Asas Pertahanan



Berdikari

Malaysia perlu bergantung kepada sumber dan keupayaannya sendiri untuk memelihara kedaulatan, kemerdekaan dan keutuhan wilayah. Justeru itu, ATM mesti mempunyai keupayaan untuk bertindak balas ke atas sebarang serangan musuh yang berbentuk ancaman ketenteraan. Keupayaan tersebut juga meliputi sokongan logistik, sumber tenaga manusia dan juga industri pertahanan. Sehubungan itu, pembangunan industri pertahanan yang mantap serta kewujudan institusi sains dan penyelidikan pertahanan adalah sangat penting.

Pertahanan Menyeluruh (HANRUH)

Pertahanan secara menyeluruh dan bersepadu membabitkan pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan juga rakyat jelata untuk mempertahankan kedaulatan, keutuhan dan kepentingan negara di dalam apa keadaan sekali pun. Hakikat sebenarnya ialah mempertahankan negara bukanlah tanggungjawab ATM sahaja, malah merupakan tanggungjawab seluruh lapisan masyarakat. Setiap pihak perlu mengetahui peranan dan sumbangan yang boleh diberikan





oleh mereka ketika negara menghadapi sebarang bencana atau pun dalam keadaan konflik. Pertahanan negara perlu diasaskan keyakinan kepada kekuatan sendiri dan tidak menyandarkannya kepada mana-mana pihak luar. Di dalam konteks ini, semangat patriotisme dan nasionalisme perlu dipupuk sepanjang masa kepada rakyat Malaysia dengan kesedaran bahawa kesejahteraan dan keamanan negara sebenarnya mengatasi segala kepentingan individu atau pun ideologi politik.

Komitmen Terhadap Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA)

Malaysia melihat FPDA sebagai 'jaringan penyelamat' seandainya berlaku sebarang kemungkinan di luar kemampuan ATM. Selain Malaysia, FPDA turut dianggotai oleh Australia, New Zealand, Singapura dan United Kingdom. FPDA merupakan satu-satunya kerjasama pertahanan pelbagai hala yang dianggotai Malaysia sejak tahun 1971. Walaupun belum diuji di dalam suasana peperangan atau konflik, namun FPDA merupakan unsur cegah rintang dan telah banyak menyumbang ke arah pembangunan serta pemantapan tahap profesionalisme ATM.



Lokasi Pelaksanaan Anggota ATM Di Bawah Panji PBB





Sokongan Usaha PBB Ke Arah Keamanan Sejagat

Malaysia menyokong penuh usaha PBB dan masyarakat antarabangsa untuk memelihara keamanan dan keselamatan sejagat. Sejalan dengan dasar luar, Malaysia mengambil pendekatan yang proaktif ke arah menangani isu-isu global.



Penyertaan Malaysia di bawah panji-panji PBB bermula pada tahun 1960 di Congo. Sehingga kini Malaysia terlibat secara aktif di dalam pelbagai Operasi Pengaman PBB yang merangkumi pembabitian sebagai Pemerhati Ketenteraan, Kumpulan Batalion, Kumpulan Staf Markas dan Teknikal PBB. Penglibatan ATM dalam misi PBB tidak sahaja terhad kepada pelaksanaan tugas pengaman tetapi juga ke arah penguatkuasaan keamanan selain terlibat dengan tugas bantuan kemanusiaan. Malaysia merupakan pihak kepada *UN Standby Arrangements 1996*. Selaras dengan kehendak peraturan ini, satu Batalion Infantri bersiap sedia untuk ditugaskan di bawah panji-panji PBB apabila diperlukan. Sehingga kini jumlah anggota ATM yang terlibat di dalam keseluruhan operasi melebihi 25,000 orang perajurit.

Malaysia menyokong sepenuhnya pelbagai perjanjian dan konvensyen mengenai pengawalan dan regim pelucutan senjata global. Malaysia selaku pihak kepada NPT dan CTBT akur untuk menghalang segala bentuk ujian dan letupan nuklear dengan tujuan dapat dilarang sama sekali. Komitmen Malaysia adalah selari dengan semangat Perjanjian Zon Bebas Nuklear Asia Tenggara (*SEANWFZ*) yang berkuat kuasa pada Mac 1997.



Malaysia menyokong pengharaman pengeluaran, pembangunan, penyimpanan serta penggunaan senjata kimia dan biologiikal sejajar *Convention on the Prohibition of the Development, Production and Stockpiling of Bacteriological (Biological) and Toxin Weapons and on their Destruction 1972* dan *Convention on the Prohibition of the Development, Production, Stockpiling and Use of Chemical Weapons and on their Destruction 1993*. Di samping itu juga Malaysia mengambil langkah mengharamkan penggunaan, pengeluaran, penyimpanan dan pemindahan periuk api setelah menandatangani *Convention On The Prohibition Of Use, Stockpiling, Production And Transfer Of Anti-Personnel Mines And On Their Destruction (Ottawa Convention)* pada bulan Disember 1997 dan meratifikasinya pada April 1999. Seterusnya diikuti dengan penerbitan undang-undang negara iaitu *Anti-Personnel Mines Convention Implementation Act 2000* dan memusnahkan segala stok simpanan periuk api pada Januari 2001.

Langkah-Langkah Terhadap Keganasan

Keganasan masih merupakan antara isu keselamatan utama kepada Malaysia. Aktiviti kumpulan pengganas kini beroperasi secara rentas sempadan membabitkan pelbagai kumpulan etnik dan warganegara. Dengan demikian, mana-mana negara berkemungkinan menjadi pusat kepada aktiviti-aktiviti mereka. Malaysia yakin bahawa tindakan komprehensif di semua peringkat adalah penting untuk menangani keganasan pada tahap awal lagi.



Diplomasi Pertahanan

Malaysia menyedari bahawa diplomasi pertahanan merupakan salah satu usaha penting yang menyumbang ke arah mencegah tercetusnya konflik atau menghalang peningkatan sesuatu konflik yang akan menjejaskan keamanan dan kestabilan. Antara tindakan ke arah usaha ini ialah langkah-langkah membina keyakinan, ketelusan, pembentukan norma-norma positif dan pewujudan saluran-saluran komunikasi. Usaha-usaha ini dilaksanakan melalui latihan bersama, perkongsian maklumat, lawatan pegawai kanan, pertukaran pegawai dan penyediaan kemudahan pendidikan ketenteraan dan latihan. Malaysia mengamalkan pendekatan diplomasi pertahanan melalui hubungan kerjasama pertahanan dua hala dan juga pelbagai hala.

- Kerjasama Dua Hala

Terdapat banyak persamaan di antara kepentingan strategik Malaysia dengan negara-negara lain di rantau ini. Oleh itu, pertahanan Malaysia adalah berkait rapat dengan perkembangan persekitaran keselamatan negara-negara lain di rantau ini. Sebarang perubahan geostrategik di rantau ini boleh membawa kesan kepada pertahanan Malaysia kerana jika tercetusnya sebarang konflik berkemungkinan akan menular ke sempadan Malaysia sama ada berbentuk aktiviti ketenteraan, masalah kemanusiaan atau sosio-ekonomi. Matlamat utama konsep diplomasi pertahanan ialah mengekalkan hubungan baik dengan negara serantau terutamanya negara-negara ASEAN serta meningkatkan kerjasama serantau bagi memastikan keselamatan dan kestabilan. Malaysia juga akan terus meningkatkan usaha diplomasi pertahanan dengan negara-negara di luar rantau ini melalui perhubungan pertahanan yang membina. Antara usaha untuk meningkatkan diplomasi pertahanan ialah menyediakan peluang berkursus di Malaysia di bawah *Malaysian Defence Cooperation Programme (MDCP)*.



- Kerjasama Pelbagai Hala

Hubungan pelbagai hala merupakan salah satu prinsip penting bagi menjalin dan memantapkan kerjasama serantau demi menjamin keamanan dan kestabilan. Hubungan ini semakin diyakini sebagai landasan untuk mengendalikan isu-isu kepentingan bersama di samping menggalakkan ketelusan di rantau ini. Dengan mengambil kira kepentingan tersebut, Malaysia menerima pakai hubungan pelbagai hala sebagai suatu pendekatan yang melengkapikan hubungan dua hala sedia ada. Dalam hubungan ini, Malaysia amat komited dengan penglibatannya di dalam dua forum pelbagai hala sedia ada iaitu ASEAN dan ARF. Penglibatan di dalam ASEAN dan ARF amatlah penting kerana

kedua-dua forum ini bertujuan untuk menjamin rantau Asia Tenggara yang aman dan dinamik. Di peringkat ASEAN proses Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) sedang dimantapkan dengan mengambil kira pelbagai usaha termasuk hubungan dengan negara-negara luar ASEAN. Manakala ARF pula merangkumi 3 peringkat iaitu langkah-langkah membina keyakinan, diplomasi pencegahan dan penyelesaian konflik sebagai asas kepada kerjasama pelbagai hala.





Bab 4: Hubungan Kerjasama Pertahanan Luar

Sebagai salah sebuah negara anggota ASEAN, Malaysia memberikan perhatian yang tinggi dalam usaha menjamin keamanan dan kemajuan serantau serta menjalin hubungan kerjasama pertahanan yang rapat dengan anggota-anggota ASEAN yang lain. Malaysia menyedari kepentingan untuk menjalinkan hubungan kerjasama pertahanan dengan negara-negara di luar rantau ini khususnya Asia-Pasifik dan juga di benua Eropah. Hubungan kerjasama pertahanan luar Malaysia dengan negara-negara tersebut adalah berasaskan kepentingan ekonomi yang sedang pesat membangun. Justeru itu, kestabilan dan kemakmuran sama ada di ASEAN dan juga Asia Pasifik memberi faedah kepada Malaysia.

Kerjasama Pertahanan Dengan Negara-Negara ASEAN

Indonesia merupakan negara yang penting bagi Malaysia kerana kedua-dua negara berkongsi sempadan darat dan maritim. Jawatankuasa Am Sempadan yang diwujudkan pada tahun 1972 merupakan forum bagi kedua-dua negara bekerjasama bagi mengekalkan keamanan, keselamatan dan pembangunan di sepanjang sempadan bersama. Isu-isu sama ada politik, sosial atau ekonomi sekiranya tidak ditangani dengan baik akan merebak dan memberi kesan ke atas hubungan dua hala. Oleh itu, Malaysia perlu mengekalkan hubungan dua hala yang rapat dengan Indonesia di samping berusaha mempertingkatkan kerjasama dan menyelesaikan sebarang perbezaan menerusi dialog dan perundingan secara dua hala.

Thailand juga berkongsi sempadan darat dan maritim dengan Malaysia. Perjanjian Sempadan Bersama pada tahun 1965 telah mewujudkan Jawatankuasa Am Sempadan dengan pelbagai aktiviti yang menyumbang kepada keselamatan dan kesejahteraan kedua-dua negara. Aktiviti



kerjasama pertahanan yang dilaksanakan tidak hanya tertumpu kepada kerjasama di sempadan tetapi juga meliputi aktiviti seperti latihan, pertukaran maklumat dan usaha bersama bagi menangani ancaman asimetrik.

Selain FPDA, hubungan pertahanan Malaysia dan Singapura diperkukuhkan lagi dengan Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama di dalam Bidang Industri Pertahanan tahun 1995. Kerjasama ketenteraan Malaysia-Singapura terjalin dalam bentuk kursus dan latihan, pertukaran pegawai dan lawatan di pelbagai peringkat ATM dan Kementerian. Selain itu interaksi aktif serta hubungan interpersonal antara anggota dan pegawai-pegawai kanan amat penting bagi mengekalkan hubungan kerjasama pertahanan kedua-dua negara tersebut.

Brunei Darussalam yang bersempadankan Sabah dan Sarawak adalah penting kepada hubungan kerjasama pertahanan dua hala dan dipereratkan dengan Memorandum Persefahaman Kerjasama Pertahanan pada tahun 1992. Pelbagai aktiviti kerjasama telah dilaksanakan seperti pertukaran lawatan pegawai-pegawai pertahanan dan tentera, sokongan logistik dan latihan bersama.

Hubungan kerjasama pertahanan dengan Filipina telah dirasmikan pada tahun 1994. Memandangkan Malaysia dan Filipina berkongsi sempadan maritim, maka bagi memastikan tahap keselamatan dan kestabilan di kawasan sempadan maritim bersama terus terjamin, kerjasama pertahanan menerusi dialog dan perbincangan secara berterusan selain pelaksanaan pelbagai usaha seperti rondaan dan pengawasan maritim bersama dilakukan.

Manakala hubungan dua hala dengan negara-negara ASEAN yang lain seperti Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam juga penting kepada Malaysia. Walaupun Malaysia belum lagi mengadakan hubungan



pertahanan dua hala secara rasmi dengan negara-negara tersebut kecuali dengan Vietnam pada tahun 2008, interaksi di kalangan angkatan tentera dan pegawai pertahanan negara-negara berkenaan dengan Malaysia telah meningkat. Program latihan di bawah MDCP yang membabitkan pegawai-pegawai tentera dari negara-negara tersebut merupakan pendekatan diplomasi pertahanan yang berjaya khususnya kepada rantau ASEAN.

Interaksi secara berterusan sama ada semasa lawatan rasmi oleh para pemimpin kanan pertahanan di kalangan negara-negara ASEAN atau pun menghadiri pameran-pameran pertahanan seperti *Defence Services of Asia* (DSA) dan *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition* (LIMA). Malaysia melihat penglibatan yang tinggi di kalangan negara-negara di kedua-dua pameran tersebut merupakan suatu pendekatan yang perlu diberikan perhatian sebaik mungkin.


Penubuhan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) pada tahun 2006 di Kuala Lumpur telah menunjukkan keazaman Malaysia untuk meningkatkan hubungan kerjasama pertahanan dengan negara-negara ASEAN. Namun demikian, mesyuarat tersebut bukannya untuk menjadikan ASEAN sebagai sebuah blok atau pakatan ketenteraan tetapi untuk mewujudkan ketelusan dan langkah-langkah membina keyakinan melalui dialog dan bidang-bidang kerjasama pertahanan yang akan ditentukan kelak.





Kerjasama Pertahanan Dengan Negara-Negara Bukan ASEAN

Hubungan kerjasama pertahanan antara Malaysia dan Australia terjalin sebelum Perang Dunia Kedua dan diperkukuhkan lagi dengan wujudnya FPDA pada tahun 1971. Hubungan kerjasama pertahanan dipertingkatkan dengan termeterainya Program Bersama Pertahanan Malaysia-Australia (MAJDP) pada tahun 1992. Begitu juga dengan New Zealand yang telah lama terjalin dan diperkukuh dengan wujudnya FPDA. Pada tahun 1996, Malaysia dan New Zealand menandatangani Kumpulan Koordinasi Kerjasama Pertahanan (MNZCG). Hubungan kerjasama pertahanan Malaysia dengan Australia dan New Zealand adalah penting dan selari dengan semangat FPDA.



Walaupun terdapat perbezaan pandangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat mengenai beberapa isu global dan serantau, namun Malaysia yakin Amerika Syarikat akan terus memainkan peranan aktif di rantau ini. Malaysia menganggap hubungannya dengan Amerika Syarikat adalah



positif kerana telah menyediakan peluang latihan bidang profesional, teknikal serta sains dan teknologi pertahanan selain merupakan antara sumber perolehan peralatan pertahanan.

Selaras dengan kepentingan politik dan ekonomi negara, Malaysia telah menjalin hubungan kerjasama pertahanan dengan beberapa buah negara di Eropah seperti United Kingdom, Sweden, Perancis dan Itali. Malaysia menganggap hubungan pertahanan dengan negara-negara Eropah tersebut yang memiliki keupayaan teknikal dan industri pertahanan adalah penting untuk pembangunan keupayaan pertahanan negara. Melalui hubungan kerjasama pertahanan dengan negara-negara berkenaan, ATM mendapat pendedahan berkaitan dengan teknologi pertahanan terkini serta peluang-peluang latihan bagi anggota ATM.

Kerjasama pertahanan Malaysia dengan Rusia di dalam latihan dan pemindahan teknologi bertujuan untuk membangunkan kemampuan pertahanan negara. Selain itu, Rusia merupakan sumber perolehan peralatan pertahanan negara serta rakan penting yang menyumbang kepada penerokaan negara di dalam teknologi dan pengetahuan baru seperti program angkasa lepas.

Malaysia menyedari pentingnya hubungan kerjasama pertahanan dengan China diwujudkan. Sehubungan itu, Kenyataan Bersama antara Malaysia dan China yang dikeluarkan tahun 1999 dan 2004 dengan menggariskan pelbagai objektif yang antaranya memperkukuhkan kerjasama pertahanan. Susulan daripada itu Memorandum Kerjasama Pertahanan telah dimeterai pada tahun 2005 bagi meningkatkan lagi hubungan kerjasama pertahanan sedia ada.

Hubungan kerjasama pertahanan Malaysia dengan Republik Korea bermula pada tahun 1987 dan lebih merupakan sumber perolehan pertahanan dan industri sains dan teknologi pertahanan.



Kepekaan Jepun dalam isu-isu pertahanan dan keselamatan serantau perlu dilihat secara positif. Beberapa aktiviti seperti pertukaran maklumat mengenai perspektif strategik dan hala tuju dasar telah diadakan di kalangan pegawai-pegawai pertahanan kedua-dua negara demi faedah bersama.

Hubungan kerjasama pertahanan Malaysia dengan India terjalin sejak sebelum merdeka lagi dan merupakan antara tempat utama untuk melatih anggota ATM. Dengan termeterainya Memorandum Persefahaman Kerjasama Pertahanan pada tahun 1993, kedua-dua negara telah berjaya mempertingkatkan kerjasama di dalam bidang industri pertahanan, sains dan teknologi pertahanan.

Pakistan juga merupakan antara sumber penting untuk melatih anggota ATM dan juga perolehan peralatan pertahanan khususnya setelah Memorandum Persefahaman Kerjasama Pertahanan ditandatangani pada tahun 1997. Aktiviti kerjasama pertahanan dijayakan di bawah Jawatankuasa Kerjasama Pertahanan Malaysia–Pakistan melibatkan latihan ketenteraan serta kerjasama industri pertahanan, sains dan teknologi pertahanan.

Hubungan kerjasama pertahanan juga diwujudkan dengan beberapa buah negara seperti Afrika Selatan, Sweden, Ukraine dan Sepanyol. Hubungan tersebut lebih berbentuk perolehan peralatan ketenteraan selain mengamalkan pendekatan terbaik-baik dengan negara-negara di luar rantau.

Berhubung dengan Timur Tengah, perkembangan di rantau tersebut sentiasa menarik perhatian Malaysia. Tidak dinafikan bahawa terdapat potensi yang tinggi untuk mewujudkan kerjasama pertahanan dengan beberapa buah negara di Timur Tengah.



Bab 5: Membangunkan Keupayaan Dan Strategi Pertahanan

Objektif utama membangunkan keupayaan pertahanan negara ialah untuk menjadikan ATM sebagai angkatan tentera yang bersepadu, seimbang dengan menggabungkan aset dan sumber lain demi mempertahankan negara. Pada asasnya, semasa keupayaan ATM dirancang, dimensi keupayaan tentera darat, laut dan udara serta spektrum elektromagnetik diambil kira kerana peperangan pada masa kini adalah melibatkan keempat-empat dimensi.

Objektif pembangunan sumber manusia adalah untuk melahirkan tentera yang bukan sahaja dengan kemahiran asas ketenteraan tetapi juga dibekalkan peralatan yang lebih baik untuk berjuang di dalam apa jua situasi operasi. Sumber manusia merupakan aset yang paling berharga dan amat penting kepada keupayaan ATM.

Fokus pembangunan sumber manusia adalah;

- **berkemampuan untuk menarik minat dan mengekalkan anggota yang berkualiti; dan**
- **meningkatkan tahap profesionalisme pegawai dan anggota ATM.**

Selain itu juga ATM memerlukan angkatan terlatih, berdedikasi dan profesional terdiri daripada pasukan tetap dan simpanan untuk ketiga-tiga cabang perkhidmatan. Pasukan simpanan merupakan komponen penting kepada ATM. Peranan pasukan simpanan adalah sebahagian daripada pasukan tetap selain membantu pasukan tetap melalui rancangan mobilisasi serta memberi





sokongan menjamin keselamatan negara semasa operasi di samping bekerjasama dengan pihak berkuasa awam apabila diperlukan.

Pembangunan kakitangan secara profesional melalui gabungan pendidikan dan latihan serta program pembangunan sendiri adalah selari dengan konsep K-Force. Pendidikan dan latihan yang berterusan tersebut merupakan kunci utama kepada pembangunan K-Force. Pelbagai kursus berbentuk teori dan praktikal, separuh masa dan sepenuh masa, jangka pendek dan jangka panjang ditawarkan kepada anggota ATM. Sejalan dengan objektif untuk menyediakan anggota ATM yang berilmu, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah ditubuhkan pada tahun 2006.

Peningkatan sistem pengurusan sumber manusia yang berfokus kepada peningkatan tahap kehidupan anggota tentera melalui penyediaan kemudahan perkhidmatan kesihatan dan kediaman yang lebih baik adalah untuk memastikan persekitaran kehidupan warga tentera dilihat merangkumi semua aspek dan bersepadu.



Kemahiran pengurusan dan kepakaran teknologi terutama dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan sistem perolehan perlu dipertingkatkan. Sehubungan dengan itu, ATM perlu dilengkapi sistem pertahanan yang terbaik berasaskan kemampuan kewangan negara. Sistem-sistem yang diperolehi perlu menepati piawaian operasi semua perkhidmatan, bersesuaian dengan konsep operasi dan doktrin. Sistem pertahanan tersebut hanya akan diperkenalkan ke dalam perkhidmatan setelah melalui ujian dan penilaian intensif.

Prasarana ketenteraan adalah landasan penting sebagai platform menyokong operasi-operasi ketenteraan. Sungguhpun sebahagian



besar pembinaan prasarana ini dilaksanakan oleh sektor awam, namun ATM perlu meningkatkan keupayaan dan kemahiran pembinaan dan kejuruteraan. Selain infrastruktur yang direka bentuk khas untuk kegunaan ketenteraan, instalasi-instalasi strategik negara, aset dan infrastruktur lain mestilah mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk menampung keperluan pertahanan pada masa hadapan sejajar keperluan pelaksanaan HANRUH.

Pertimbangan penting dalam perancangan pertahanan negara ialah memastikan ATM dapat menggunakan sumber-sumber awam negara sebagai usaha meningkatkan keupayaan sesuatu operasi tertentu atau menangani krisis. Peperangan moden tidak lagi melibatkan pertempuran antara pasukan-pasukan tentera tetapi melibatkan secara keseluruhannya. Pihak musuh dijangka menggunakan segala cara untuk mencapai objektif mereka. Untuk menghadapi keadaan sedemikian, Malaysia perlu mempunyai keazaman serta meningkatkan keupayaan dengan menggunakan segala sumber awam dan dasar-dasar lain khasnya HANRUH.

Walau pun Dasar Pertahanan Negara meletakkan pendekatan diplomasi pertahanan sebagai keutamaan dan merupakan salah satu prinsip-prinsip asas pertahanan, namun bentuk pertahanan yang bercorak Cegah Rintang dan Pertahanan Hadapan merupakan teras kepada strategik pertahanan negara. Strategi pertahanan bercorak Cegah Rintang bertujuan mengurangkan keyakinan pihak musuh daripada mengambil sebarang tindakan ketenteraan ke atas Malaysia sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sehubungan dengan itu, keupayaan ATM perlu dipamerkan setiap masa di samping menonjolkan tahap kesiagaan yang tinggi sama ada latihan, kesiagaan bertindak dan keupayaan mobilisasi bertujuan mempertahankan kepentingan negara serta bertindak balas terhadap sebarang kemungkinan pada bila-bila masa.



Manakala Pertahanan Hadapan bertujuan mencegah konflik daripada berlaku di dalam Malaysia dengan cara menghalangnya daripada tercetus atau pun memastikan konflik tersebut berlaku sejauh mungkin dari wilayah Malaysia. Pertahanan Hadapan ini mencakupi konsep menonjolkan sebuah angkatan yang mempunyai keupayaan bertindak melampaui garisan sempadan Malaysia. Strategi pertahanan ini memerlukan ATM membangunkan pasukan yang boleh digerakkan dengan pantas disertai persenjataan secukupnya dan sokongan logistik. Penugasan ATM dalam Pertahanan Hadapan memerlukan angkatan atur cepat strategik melakukan tindak balas pada bila-bila masa terhadap sebarang tanda pencerobohan dan berupaya bertindak sebelum sesuatu krisis bagi memastikan kelebihan taktikal semasa peperangan.

Pembangunan angkatan yang berkeupayaan tinggi adalah diperlukan untuk membolehkan diatur gerak ke mana jua bagi melaksanakan sebarang bentuk operasi ketenteraan. Demi memantapkan kedua-dua strategi pertahanan tersebut, pengumpulan, keunggulan dan ketepatan teknologi maklumat serta spektrum elektronik perlulah diwujudkan dan diperkembangkan. Keupayaan operasi bersama antara ketiga-tiga perkhidmatan merupakan kunci kejayaan operasi ATM.

- Kawalan Ruang Udara

Kawalan ruang udara menjadi prasyarat bagi kejayaan pelaksanaan operasi darat, laut dan udara. ATM perlu mempunyai kedua-dua keupayaan menyerang dan bertahan untuk menentukan kawalan sepenuhnya ke atas ruang udara setiap masa terutamanya di ketiga-tiga kawasan kepentingan negara.





- Operasi Maritim

ATM perlu berupaya mengawal sepenuhnya kawasan perairan Malaysia bagi tujuan mempertahankan kedaulatan maritim negara. Kawalan kawasan maritim meliputi keupayaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk menyingkir sebarang pencerobohan di perairan negara. Ini termasuk kemampuan untuk mengawal pintu-pintu masuk pelabuhan utama dan *choke point* yang kritikal seperti Selat Melaka dan Selat Singapura serta laluan perhubungan laut antara Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak.

- Operasi Darat

Kekuatan operasi darat bergantung kepada kemampuan pasukan Tentera Darat Malaysia (TDM) untuk beroperasi dengan bantuan TUDM dan TLDM. Pelaksanaan misi ini memerlukan kemampuan sistem persenjataan, mobiliti, perlindungan dan bantuan logistik. Sempadan yang panjang mengelilingi Malaysia memerlukan ATM mempunyai keupayaan bertindak pantas sebagai angkatan bersama untuk menghadapi sebarang ancaman.



Dalam suasana aman, ATM akan mengamalkan strategi penglibatan semasa aman (*peacetime engagement*) merangkumi hubungan baik dengan negara-negara lain terutamanya negara serantau. Di samping itu, ATM perlu melibatkan diri di dalam pembangunan negara dan bekerjasama dengan agensi-agens penguatkuasa awam menangani isu-isu keselamatan negara.



Malaysia juga perlu mewujudkan hubungan pertahanan yang erat dengan negara-negara ASEAN dan negara-negara lain khususnya di rantau Asia-Pasifik. Melalui kerjasama serta interaksi dengan negara-negara tersebut, semangat tanggungjawab bersama menjaga kepentingan dan keselamatan serantau akan dapat diperkukuhkan.

Keunggulan maklumat merupakan salah satu daripada keupayaan penting yang diperlukan untuk meningkatkan kesiagaan operasi dan tempur negara. Keupayaan ini dicapai melalui kemampuan memperoleh maklumat daripada pelbagai sumber, memproses, menganalisis dan menyebarkan maklumat tepat sebagaimana yang diperlukan. Keunggulan maklumat akan menentukan kualiti untuk membuat sesuatu keputusan yang akan membolehkan ATM menggunakan maklumat yang diperolehi sebagai elemen kuasa tempur menghadapi sebarang ancaman dari musuh.



Bab 6: Sokongan Keupayaan Industri Pertahanan Negara

Bagi menyokong keupayaan pertahanan Malaysia, dua elemen penting perlu diberi perhatian utama. Elemen-elemen tersebut ialah industri pertahanan tempatan dan sains teknologi pertahanan. Sumbangan sektor ini amat penting bagi memastikan negara mencapai keupayaan pertahanan berdikari.

Industri pertahanan adalah penyumbang utama untuk memperolehi teknologi canggih dan sistem persenjataan serta menyediakan struktur sokongan hayat dan perkhidmatan yang berperanan meningkatkan kadar penggunaan peralatan ketenteraan. Industri pertahanan tempatan yang mencapai tahap kemajuan tinggi dapat mengurangkan pergantungan negara kepada pengeluar peralatan asli dari negara-negara luar.

Pada masa sama, peranan industri pertahanan dalam pembangunan sosio-ekonomi negara perlu diberikan pengiktirafan. Industri pertahanan juga berperanan menyumbang kepada pewujudan peluang-peluang pekerjaan, penjimatan pertukaran wang asing, pemindahan teknologi, kemasukan terus pelaburan asing, teknologi penggunaan dua hala di samping mewujudkan aktiviti-aktiviti aliran kepada sektor-sektor ekonomi yang lain. Industri pertahanan di Malaysia pada masa kini telah berupaya memenuhi sebahagian keperluan peralatan ketenteraan meliputi senjata tempur, peluru pelbagai kaliber, pesawat peninjau udara, bot ronda, trak, penyelesaian masalah yang berasaskan ICT dan kelengkapan harian anggota tentera. Industri pertahanan tempatan juga telah memiliki keupayaan bagi melakukan kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan, membaikpulih, peningkatan dan pemodenan di dalam beberapa bidang selain berkeupayaan mengeluarkan bahagian dan komponen peralatan ketenteraan untuk pasaran tempatan dan luar negara.



Dasar dan Garis Panduan Program Perdagangan Timbal Balas bagi perolehan peralatan pertahanan di Kementerian Pertahanan telah dikeluarkan pada tahun 2004 untuk memastikan objektif program perdagangan timbal-balas di Kementerian Pertahanan tercapai. Antara objektif program perdagangan timbal-balas adalah seperti berikut:

- **Menggalakkan perkongsian strategik antarabangsa yang dapat menyumbang kepada aktiviti-aktiviti peningkatan industri ke arah membangun dan memperkukuhkan potensi kepakaran, keupayaan dan pemasaran industri pertahanan negara;**
- **Memaksimumkan penggunaan kandungan tempatan (local content) bertujuan mengurangkan pengaliran keluar mata wang;**
- **Menubuhkan asas industri pertahanan dan ekonomi berkaitan dengan keupayaan sokongan logistik yang strategik;**
- **Mempromosikan pemindahan teknologi;**
- **Bekerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D);**
- **Inisiatif pembangunan sumber manusia dan peningkatan kepakaran serta keupayaan tempatan.**

Defence Industry Blueprint telah diterbitkan pada tahun 2004 bertujuan menyediakan arah tuju industri pertahanan negara. Antara perkara yang diberikan perhatian ialah isu-isu berkaitan penekanan tahap pembangunan keupayaan, pendekatan baru kepada program ofset dan pemindahan teknologi, pendekatan baru perolehan peralatan, insentif kepada industri, penyeragaman spesifikasi, peranan agensi-agensi kerajaan dan Majlis Industri Pertahanan dan Keselamatan Malaysia, universiti, institusi penyelidikan dan rekabentuk, aktiviti penyelidikan dan



pembangunan, kerjasama dua hala industri pertahanan, pembentukan perikatan strategik perniagaan dan perkongsian pintar, peningkatan pemasaran, pembangunan tenaga manusia dan kompetensi serta tahap-tahap dalam pembangunan industri pertahanan.

Pembangunan projek-projek pertahanan antara institusi penyelidikan tempatan dan luar negara wajar diberikan penekanan. Ini boleh dilaksanakan sama ada di Malaysia mahupun di luar negara dengan penglibatan aktif kedua-dua pihak berdasarkan tugas dan tanggungjawab tertentu dalam projek. Kesimpulannya, sumbangan industri pertahanan terhadap pembangunan keupayaan pertahanan negara adalah amat bermakna.





Bab 7: Peruntukan Pertahanan

Untuk memastikan ATM terus berupaya menghadapi sebarang cabaran yang mengancam kepentingan negara, maka peruntukan yang berdasarkan kepada kemampuan kewangan negara adalah diperlukan. Untuk mencapai keberkesanan yang diperlukan, adalah penting agar keputusan mengenai pembiayaan dibuat berlandaskan prinsip-prinsip berikut:

- Kemampuan

Kerajaan mengakui bahawa pertahanan negara adalah fungsi pentadbiran yang sangat penting. Walau bagaimanapun sektor pertahanan melibatkan kos yang tinggi dan perlu berasaskan kepada kemampuan negara. Prinsip kemampuan ini adalah pertimbangan asas semasa membuat keputusan perolehan jenis aset atau projek untuk dilaksanakan. Jadual 1 memperincikan perbelanjaan tahunan Kementerian Pertahanan.





- **Pembiayaan Tidak Ditetapkan Kepada KDNK**

Adalah menjadi dasar belanjawan negara iaitu peruntukan untuk sektor pertahanan tidak ditetapkan berasaskan kepada peratusan tertentu secara tetap di dalam belanjawan negara serta tertakluk kepada keutamaan dan kemampuan negara. Bagi maksud ketelusan, segala butiran mengenai peruntukan sektor pertahanan dibahaskan di Parlimen semasa sesi Pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan sebagaimana yang terdapat di Jadual 2 di bawah. Perbahasan peruntukan pertahanan di Parlimen melibatkan perbahasan di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara sebelum diluluskan.

Jadual 2:
Pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan
Kementerian Pertahanan di Parlimen

Bil	Perkara	Pembentangan oleh YAB Menteri Kewangan	Penggulungan Peringkat Dasar oleh YAB Menteri Pertahanan	Penggulungan Peringkat Jawatankuasa oleh YAB Menteri Pertahanan
1	Bajet 2005	10 September 2004	27 September 2004	2 Disember 2004
2	Bajet 2006	30 September 2005	17 September 2005	5 Disember 2005
3	Bajet 2007	1 September 2006	18 September 2006	6 Disember 2006
4	Bajet 2008	7 September 2007	30 Oktober 2007	10 Disember 2007
5	Bajet 2009	29 Ogos 2008	30 Oktober 2008	2 & 3 Disember 2008



Kementerian Pertahanan Malaysia
Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur
MALAYSIA

www.mod.gov.my

